





Travel Guard®



...untuk tujuan yang sebenar.



Travel Guard®

Mengurangkan rasa bimbang
anda tidak kira ke mana anda
pergi dan apa jua yang anda
lakukan.

Sama ada anda dalam pengembaraan
tropika, mengelilingi Eropah atau
melawat rakan di luar negara,
AIG Travel akan sentiasa bersama
anda sepanjang perjalanan.

AIG Travel mempunyai 8 Pusat Perkhidmatan Global
di seluruh dunia dan kakitangan yang berkemahiran
bertutur dalam pelbagai bahasa dan sentiasa bersedia
untuk membantu anda 24 jam sehari bagi memastikan
anda menikmati servis berkualiti dan proses tuntutan
yang lancar.



Dapatkan bantuan dengan hanya satu panggilan telefon
pada bila-bila masa dalam 40 bahasa berbeza.
Sila hubungi AIG Travel di talian +603 2772 5600.





PERKHIDMATAN BANTUAN PERJALANAN Disediakan

Hubungi AIG Travel Asia Pasifik (ATAP) di talian +603 2772 5600 untuk nasihat dan rujukan berkenaan:

- Rujukan Perkhidmatan Perubatan
- Nasihat Perubatan Telefon
- Bantuan Kehilangan Pasport
- Bantuan Kehilangan Bagasi
- Rujukan Kedutaan
- Rujukan Penterjemah
- Rujukan Firma Guaman
- Perkhidmatan Maklumat Inokulasi Pra-Perjalanan
- Perkhidmatan Maklumat Visa Pra-Perjalanan
- Perkhidmatan Maklumat Ramalan Cuaca Pra-Perjalanan

Bagaimana Travel Guard® melindungi anda



Kelewatan Bagasi

Kami akan pastikan kos anda dibayar sekiranya bagasi anda lewat sampai.



Kelewatan Perjalanan

Kami akan pastikan kos ke atas sebarang kelewatan penerbangan sepanjang perjalanan anda.



Perbelanjaan Perubatan

Kami akan melindungi perbelanjaan berkenaan sekiranya anda ditimpa kemalangan atau jatuh sakit dalam perjalanan.



Pembatalan/Pemendekan

Kami akan melindungi perbelanjaan anda sekiranya anda terpaksa membatalkan atau memendekkan perjalanan atas sebarang alasan yang dilindungi di bawah polisi.



Kerosakan/ kehilangan Bagasi

Kami akan melindungi kos yang anda perlu tanggung untuk sebarang kerosakan atau kehilangan bagasi atau barangan peribadi anda yang disebabkan kecurian atau kecuaiannya oleh penyedia perkhidmatan.



Pemindahan

Kami juga akan membayar kos pengangkutan anda ke mana-mana, dan menyediakan kemudahan perubatan sekiranya anda memerlukan rawatan dalam perjalanan serta kos pengangkutan anda untuk pulang ke Malaysia.

Travel Guard®

Kami telah membantu
pengembara lain dan akan
terus berada di sisi anda
untuk memberi bantuan.



Semasa melancong di China, seorang pelanggan AIG telah mengalami apendisitis akut dan terpaksa menjalani pembedahan kecemasan di sebuah hospital tempatan. Selepas proses pemantauan ketat dan penyembuhan selama 3 minggu, beliau ditemani pulang oleh pengiring bukan perubatan AIG. Beliau bernasib baik kerana semua kos perubatan dan penghantaran pulang dilindungi di bawah polisi insurans AIG Travel.

Biarlah kami menjaga anda di sepanjang perjalanan sebagaimana kami menjaga beliau.

Seorang pelanggan AIG yang sedang bermain golf di Laos dengan tidak sengaja telah dilanggar oleh kenderaan bugi. Beliau mengalami kecederaan dan luka yang serius, dan terpaksa dimasukkan ke sebuah hospital di Thailand. Setelah keluar daripada hospital tersebut, beliau dihantar pulang ke Malaysia bersama jururawat pengiring dengan penerbangan yang diatur khusus di mana kedua-duanya dilindungi oleh polisi perjalanannya di bawah AIG.

Biarlah kami menjaga anda di sepanjang perjalanan sebagaimana kami menjaga beliau.





Semasa berada di China, seorang pelanggan AIG mengalami kecederaan di bahagian kepala dan telah didiagnosis mengalami pendarahan gastrousus. Setelah menerima rawatan di China, kami membawa beliau pulang bersama seorang doktor pengiring dengan penerbangan yang diatur khusus dan semua manfaat ini dilindungi oleh polisi AIG Travel.

Biarlah kami menjaga anda di sepanjang perjalanan sebagaimana kami menjaga beliau.

Seorang pelanggan AIG telah tercedera di bahagian pinggul semasa mengembara di U.K. dan terpaksa menjalani pembedahan di sana. Beliau sangat bersyukur kerana polisi perjalanannya membolehkan beliau pulang ke tanah air dengan selamatnya diiringi jururawat AIG. Bahkan lebih baik lagi, kos pembedahan dan penghantaran baliknya dilindungi oleh polisi perjalanannya.

Biarlah kami menjaga anda di sepanjang perjalanan sebagaimana kami menjaga beliau.



Pembayaran Purata Bagi Setiap Kes*

					
RM	RM	RM	RM	RM	RM
RM2,360	RM660	RM4,260	RM600	RM345	RM2,745
Perbelanjaan Perubatan	Kelewatan Perjalanan	Pembatalan/ Pemendekan	Kelewatan Bagasi	Kerosakan/ Kehilangan Bagasi	Pemindahan

* Berdasarkan tuntutan yang telah dibayar pada tahun 2015



Jadual Manfaat

Had Jumlah Yang Diinsuranskan sehingga (RM)					
Manfaat		Luar Negara			Domestik
		Essential	Superior	Premier	
A	Pembatalan Perjalanan (sebelum berlepas)	20,000	22,000	30,000	1,000
B	Perbelanjaan perubatan dan yang berkaitan				
1	Perbelanjaan Perubatan	300,000	500,000	Tiada had	20,000 (disebabkan kemalangan sahaja)
2	Perbelanjaan Berkaitan Perubatan Kecemasan				
	(a) Pemindahan Perubatan Kecemasan & Penghantaran Balik Perubatan Kecemasan	Tiada had	Tiada had	Tiada had	20,000 (disebabkan kemalangan sahaja)
	(b) Lawatan Ihsan	7,000	10,000	15,000	Tidak Berkaitan
	(c) Penjagaan anak (Untuk Perjalanan Tunggal Luar Negara Sahaja)	7,000	10,000	15,000	Tidak Berkaitan
	(d) Pendapatan Harian Kemasukan Ke Hospital (250 sehari sehingga 60 hari)	15,000	15,000	30,000	Tidak Berkaitan
	(e) Caj Telefon dan Penggunaan Internet Kecemasan	100	200	500	Tidak Berkaitan
3	Rawatan Perubatan Susulan – di negara tempat tinggal – Malaysia				
	(a) Rawatan Perubatan Pesakit Dalam (sehingga 30 hari)	50,000	50,000	50,000	Tidak Berkaitan
	(b) Pesakit Luar/Rawatan Pakar atau Perkhidmatan yang diberikan oleh Pengamal Perubatan	Termasuk dalam B3(a)	Termasuk dalam B3(a)	Termasuk dalam B3(a)	Tidak Berkaitan
	(c) Rawatan atau Perkhidmatan yang diberikan oleh Pakar Penjagaan Kesihatan	500	500	1,000	Tidak Berkaitan
4	Perbelanjaan Pergigian Luar Negara	Termasuk dalam B1	Termasuk dalam B1	Termasuk dalam B1	Tidak Berkaitan
C	Penghantaran Balik Jenazah	Tiada had	Tiada had	Tiada had	Tidak Berkaitan
D	Pemendekan Perjalanan	20,000	22,000	30,000	Tidak Berkaitan
E1	Gangguan Perjalanan	1,000	1,500	3,000	Tidak Berkaitan
E2	Kegagalan Menyambung Perjalanan (200 bagi setiap 6 jam berturut-turut)	400	600	1,200	Tidak Berkaitan

Had Jumlah Yang Diinsuranskan sehingga (RM)					
Manfaat		Luar Negara			Domestik
		Essential	Superior	Premier	
F1	Kelewatan Perjalanan (150 bagi setiap 6 jam berturut-turut)				
1	Luar Negara	3,600	3,600	5,100	Tidak Berkaitan
2	Dalam Malaysia	450	450	900	300
F2	Perubahan Laluan Perjalanan (200 bagi setiap 6 jam berturut-turut)	400	600	1,200	Tidak Berkaitan
G	Bagasi				
1	Kehilangan Bagasi dan Barangan Peribadi	5,000	7,000	10,000	1,000 (disebabkan oleh kecurian atau kecuaiian Pengangkutan awam sahaja)
	Had barangan:				
	(i) Mana-mana satu barangan	500	500	500	Tidak Berkaitan
	(ii) Komputer mudah alih termasuk tablet, PDA dan seumpamanya	1,000	1,500	2,000	Tidak Berkaitan
	(iii) Kerosakan Bagasi Bagi Setiap Beg	250	250	250	Tidak Berkaitan
2	Kelewatan Bagasi (200 bagi setiap 6 jam berturut-turut)				
	(a) Luar Negara	800	800	2,000	Tidak Berkaitan
	(b) Dalam Malaysia	200	200	800	400
3	Kegunaan Penipuan Kad Kredit	1,000	1,500	3,000	Tidak Berkaitan
4	Kehilangan Dokumen Perjalanan	5,000	6,000	8,000	Tidak Berkaitan
5	Kehilangan Wang Peribadi	1,000	2,000	3,000	Tidak Berkaitan
H	Kemalangan Peribadi				
1	Kematian dan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh akibat Kemalangan				50,000
	(i) Berumur 30 hari hingga 17 tahun	75,000	75,000	125,000	-
	(ii) Berumur 18 tahun hingga 85 tahun	300,000	300,000	500,000	-
I	Liabiliti Peribadi	1,000,000	1,000,000	1,000,000	500,000
J	Kehilangan Kandungan Rumah	2,000	3,000	5,000	Tidak Berkaitan
K1	Caj Lebihan Sewa Kereta	2,000	3,000	5,000	Tidak Berkaitan
K2	Kos Pengembalian Kenderaan Sewa Kereta	Termasuk dalam K1	Termasuk dalam K1	Termasuk dalam K1	Tidak Berkaitan

Nota: Untuk Pelan Keluarga – Jumlah Yang Diinsuranskan secara keseluruhan bagi semua Orang Yang Diinsuranskan di bawah Pelan Keluarga adalah 300% daripada had yang dinyetokan dalam Jadual Manfaat kecuali untuk perkara H – Had Kemalangan Peribadi adalah kekal bagi setiap orang.

Pelan Perjalanan Tunggal – Kategori Umur: 30 hari hingga 70 tahun (RM)

		Essential			Superior			Premier		
		R1	R2	R3	R1	R2	R3	R1	R2	R3
Individu	1 hingga 5 hari	41	57	75	47	66	85	73	102	132
	Setiap Hari	5	7	9	6	8	11	9	13	16
Pasangan	1 hingga 5 hari	78	108	142	89	125	161	138	193	250
	Setiap Hari	9	13	17	11	15	20	17	24	31
Keluarga	1 hingga 5 hari	103	143	188	118	165	213	183	255	330
	Setiap Hari	12	17	23	15	20	26	22	31	40

Pelan Perjalanan Tunggal – Kategori Umur: 71 hingga 85 tahun (RM)

		Essential			Superior			Premier		
		R1	R2	R3	R1	R2	R3	R1	R2	R3
Individu	1 hingga 5 hari	74	103	135	85	119	153	131	184	238
	Setiap Hari	9	13	16	10	15	19	16	23	29
Pasangan	1 hingga 5 hari	140	194	256	160	225	290	248	347	450
	Setiap Hari	17	24	31	20	28	36	31	43	55
Keluarga	1 hingga 5 hari	185	257	338	212	297	383	329	459	594
	Setiap Hari	23	32	41	26	36	47	40	56	73

Pelan Berbagai Perjalanan Tahunan

		Essential			Superior			Premier		
		R1	R2	R3	R1	R2	R3	R1	R2	R3
18 – 70 tahun		270	365	435	310	435	560	440	615	795
71 – 85 tahun (Pembaharuan Sahaja)		485	655	780	560	780	1,100	790	1,105	1,430
Perjalanan Tahunan Domestik (Tambahan) (Termasuk GST)		80.00								

Pelan Perjalanan Tunggal Domestik

	1 – 5 Hari	6 – 10 Hari	11 – 20 Hari	21 – 31 Hari	Setiap Minggu Tambahan
Individu	18.00	22.00	33.00	44.00	9.00
Pasangan	34.00	42.00	63.00	83.00	17.00
Keluarga	45.00	55.00	83.00	109.00	23.00

* Premium termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (0%) jika berkenaan.

* Pelan Perjalanan Tahunan Domestik disediakan sebagai pilihan tambahan sahaja untuk Pelan Berbagai Perjalanan Tahunan.

Kawasan Perindungan

Kawasan 1 (R1)

Australia, Brunei, Kemboja, China, (Tidak termasuk Tibet dan Mongolia [Inner & Outer]), Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea, Laos, Macau, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, Vietnam.

Kawasan 2 (R2)

Negara-negara Eropah termasuk negara-negara R1.

Kawasan 3 (R3)

Seluruh dunia termasuk Bangladesh, Timur Tengah, Mongolia [Inner & Outer], Nepal, Tibet.

Domestik

Dalam Malaysia, melepasi 50km daripada tempat bermastautin atau kediaman anda.

Polisi ini tidak melindungi apa-apa kehilangan, kecederaan, kerosakan atau liabiliti undang-undang yang timbul sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada perjalanan yang dirancang atau perjalanan yang sebenar, ke atau melalui Cuba, Iran, Syria, Korea Utara atau wilayah Crimea.

Perlindungan keluarga termasuk anda, pasangan anda dan semua anak yang mengikut serta berumur antara 30 hari hingga 18 atau 25 tahun jika masih mengikut pendidikan tinggi pada tarikh permulaan perjalanan.



Lembaran Pendedahan Produk

Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memilih untuk mengambil polisi insurans Travel Guard®. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah produk ini?

Dengan polisi ini anda akan diberi pampasan jika berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian disebabkan oleh kemalangan secara tiba-tiba dan tidak dijangka, perbelanjaan perubatan yang dibelanjakan akibat kemalangan atau sakit, gangguan perjalanan dan bantuan perjalanan untuk perjalanan domestik dan luar negara. Perlindungan ini boleh dibeli oleh mana-mana individu untuk diri sendiri, pasangan dan anak-anak tanggungannya.

Anda boleh dapat bantuan segera di serata dunia selama 24 jam sehari jika berlaku situasi kecemasan apabila anda berada di luar negara.

Anda mempunyai pilihan Perlindungan Perjalanan Tunggal atau Perjalanan Tahunan bergantung kepada pelan yang dipilih.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Sila rujuk kepada jadual manfaat dalam brosur.

Manfaat utama yang dilindungi oleh polisi ini termasuk:

- (a) Manfaat Berkaitan Perubatan;
- (b) Manfaat Kemalangan Peribadi;
- (c) Gangguan Perjalanan dan Lain-lain Manfaat Berkaitan Perjalanan;
- (d) Perkhidmatan Bantuan Perjalanan.

Pelan Perjalanan Tunggal

Tempoh perlindungan adalah dalam lingkungan 1 hingga 5 hari sehingga maksimum 210 hari berturut-turut untuk perjalanan luar negara dan maksimum 60 hari untuk perjalanan domestik.

Pelan Perjalanan Tahunan

Dalam tempoh polisi ini, tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun dengan bilangan perjalanan luar negara tanpa had. Tempoh maksimum bagi setiap perjalanan luar negara adalah 100 hari berturut-turut dan setiap perjalanan domestik adalah 60 hari berturut-turut. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- (a) Sila rujuk kepada jadual premium dalam risalah.
- (b) Premium kena dibayar berdasarkan bilangan hari perjalanan bagi Pelan Perjalanan Tunggal.
- (c) Polisi tidak akan berkuatkuasa melainkan premium yang kena dibayar telah dijelaskan.
- (d) Pembayaran boleh dibuat secara tunai, cek atau kad kredit.

4. Apakah bayaran dan caj yang perlu saya bayar?

- (a) Komisen: 25% daripada premium.
- (b) Duti setem: RM10.00.
- (c) Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebanyak 0% dikenakan untuk pelan domestik sahaja.

5. Apakah terma atau syarat utama yang harus saya ketahui?

(a) Pendedahan:

- (i) Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang akan memberi kesan kepada profil risiko seperti umur dan pekerjaan anda.
- (ii) Sebarang penipuan, penggambaran yang salah terhadap fakta material secara sengaja atau penyembunyian maklumat berhubung dengan permohonan polisi ini atau apabila membuat tuntutan akan menyebabkan polisi ini menjadi tidak sah dan mana-mana manfaat yang terhutang akan diluputkan dan mana-mana manfaat yang telah dibayar sebelumnya mestilah dibayar balik dengan sepenuhnya.

(b) Tuntutan:

Dokumen tuntutan mestilah diserahkan ke pejabat kami dengan secepat mungkin dan tidak melebihi 90 hari dari tarikh berlakunya kejadian berkenaan. Jika anda tidak dapat melengkapkan dokumen tuntutan dalam tempoh masa 90 hari atas alasan yang munasabah, dokumen tersebut mestilah diserahkan tidak melebihi 1 tahun dari tarikh kejadian.

(c) Bilangan polisi:

Anda hanya boleh dilindungi di bawah satu polisi berkenaan insurans ini.

(d) Umur*:

Umur* minimum dan maksimum untuk perlindungan adalah:

30 hari sehingga 85 tahun bagi pelan Perjalanan Tunggal dan 18 tahun sehingga 70 tahun bagi pelan Berbagai Perjalanan Tahunan.

Pelan Perjalanan Tahunan boleh diperbaharui sehingga umur 85 tahun dengan persetujuan kami.

*Umur ditentukan berdasarkan umur anda pada tarikh luput polisi.

(e) Tempoh Maksimum Perjalanan:

(i) Perjalanan Luar Negara

Pelan Perjalanan Tahunan: setiap perjalanan tidak boleh melebihi 100 hari berturut-turut;

Pelan Perjalanan Tunggal: setiap perjalanan tidak boleh melebihi 210 hari berturut-turut;

(ii) Perjalanan Domestik

Setiap perjalanan tidak boleh melebihi 60 hari berturut-turut (pelan Perjalanan Tahunan dan Perjalanan Tunggal).

(f) Pembaharuan, Pembaharuan Semula dan Penaiktarafan:

Hanya disediakan untuk pelan Perjalanan Tahunan dan tertakluk kepada persetujuan kami.

(g) Sekatan Ekonomi:

Kami tidak akan memberi perlindungan dan kami tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberi apa-apa manfaat di bawah dokumen ini jika peruntukan perlindungan sedemikian, pembayaran tuntutan sedemikian atau peruntukan untuk manfaat sedemikian akan mendedahkan kami, syarikat induk kami atau entiti pengawal teratas kami kepada apa-apa sekatan, larangan atau pembatasan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

(a) aktiviti berkaitan dengan:

(i) angkatan bersenjata, angkatan pengaman dan kumpulan seumpamanya;

(ii) sukan profesional dan separa profesional atau di mana pendapatan berkala diperolehi;

(iii) perlumbaan melibatkan kenderaan bermotor;

(iv) mana-mana pekerjaan melainkan berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan semata-mata; atau

(v) menyelam melebihi kedalaman 30 meter.

(b) terlibat dengan kerja manual, aktiviti luar pantai seperti menyelam, mencarigali minyak, melombong, mengendalikan bahan letupan atau penggambaran udara;

(c) membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau percubaan berbuat demikian semasa waras atau tidak waras;

(d) dalam perjalanan udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat persendirian atau komersial;

(e) pelanggaran undang-undang;

(f) gangguan mental atau saraf;

(g) apa-apa penyakit sedia ada yang anda ketahui mengenainya dalam tempoh 1 tahun sebelum tarikh berkuatkuasa polisi anda;

(h) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) dan Virus Kekurangan Sistem Imun Manusia (HIV);

(i) memandu atau menunggang dalam apa-apa jenis perlumbaan;

(j) bahan nuklear, kimia atau biologi;

(k) peperangan;

- (l) apa-apa kehilangan, kecederaan, kerosakan atau liabiliti undang-undang yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada perjalanan dirancang atau perjalanan yang sebenar, ke, atau melalui Cuba, Iran, Syria, Korea Utara atau wilayah Crimea;
- (m) perjalanan yang dibuat bertentangan dengan nasihat doktor atau apabila tujuan perjalanan adalah untuk mendapatkan apa-apa bentuk rawatan, rundingan atau nasihat perubatan.
- (n) kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan tuntutan di bawah polisi setelah diberi amaran melalui atau oleh media massa umum;
- (o) apa-apa keadaan yang telah dimaklumkan kepada anda sebelum pembelian polisi.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

(a) Perjalanan Tunggal

Pembatalan untuk pelan Perjalanan Tunggal adalah atas budibicara kami dan dianggap telah dibatalkan pada tarikh permintaan pembatalan dengan syarat tarikh permintaan tersebut adalah sebelum bermulanya perjalanan atau tempoh insurans, yang mana lebih awal.

Kami akan mengembalikan kepada anda premium yang telah dibayar bagi tempoh yang belum luput dengan syarat tuntutan tidak diserahkan atau tidak akan diserahkan oleh anda sebelum atau selepas tarikh luput polisi. Pengembalian premium tidak dibenarkan selepas bermulanya perjalanan anda.

(b) Perjalanan Tahunan

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberikan kami notis bertulis. Pembatalan untuk pelan perjalanan tahunan akan berkuatkuasa pada hari pertama bulan calendar berikutan selepas penerimaan notis pembatalan.

Kami akan mengembalikan kepada anda premium yang telah dibayar bagi tempoh yang belum luput dengan syarat tuntutan tidak diserahkan atau tidak akan diserahkan oleh anda sebelum atau selepas tarikh luput polisi.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat hubungan/peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memberitahu kami mengenai apa-apa perubahan dalam profil hayat anda termasuk pekerjaan yang boleh menjejaskan profil risiko.

9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda inginkan maklumat lanjut tentang polisi ini, sila rujuk kepada risalah maklumat insurans bertajuk "Insurans Kemalangan Peribadi", ianya boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh dapatkan satu salinan daripada ejen insurans.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AIG Malaysia Insurance Berhad,

Menara Worldwide,

No. 198 Jalan Bukit Bintang,

55100 Kuala Lumpur,

Malaysia.

Tel : 1-800-888-811

Emel : AIGMYCare@aig.com

10. Apakah jenis perlindungan Kemalangan Peribadi lain yang disediakan?

Sila rujuk laman web kami di www.aig.my

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATI SUPAYA MENGAMBIL TAHU SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA HARUS MENAMAKAN SEORANG PENAMA DAN PASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA SEDAR MENGENAI POLISI KEMALANGAN PERIBADI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA HARUSLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS TERSEBUT DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LEBIH LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 1/6/2018

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Inggeris atau peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian permohonan ini, adalah dipersetujui bahawa versi Bahasa Inggeris permohonan ini hendaklah dipakai.

Produk risalah ini bertujuan sebagai panduan kepada manfaat perlindungan sahaja. Skop dan keluasan perlindungan polisi adalah tertakluk kepada terma dan syarat polisi bertulis yang spesifik.

American International Group, Inc. (AIG) adalah peneraju organisasi insurans di peringkat global. AIG ditubuhkan pada tahun 1919, dan kini telah menyediakan pelbagai insurans kecederaan dan hartanah, insurans hayat, produk persaraan, insurans gadaian dan lain-lain perkhidmatan kewangan kepada pelanggan di lebih daripada 100 buah negara dan wilayah. Kepelbagaian penawaran ini termasuk produk dan perkhidmatan yang membantu perniagaan dan individu untuk melindungi harta mereka, menguruskan risiko dan menyediakan jaminan persaraan. Saham biasa AIG disenaraikan di Bursa Saham New York dan Bursa Saham Tokyo.

Maklumat tambahan tentang AIG boleh didapati di www.aig.com dan www.aig.com/strategyupdate | Youtube: www.youtube.com/aig | Twitter: @AIGinsurance | LinkedIn: <http://www.linkedin.com/company/aig>. Rujukan tersebut dan maklumat tambahan mengenai AIG disediakan untuk kemudahan pelanggan, dan maklumat yang terkandung di laman web sedemikian tidak dimasukkan sebagai rujukan ke dalam brosur ini.

AIG adalah nama pemasaran untuk operasi insurans hartanah dan kecederaan, hayat dan persaraan, dan insurans am di serata dunia bagi American International Group, Inc. Untuk maklumat tambahan, sila layari laman web kami di www.aig.com. Semua produk dan perkhidmatan adalah ditaja jamin atau disediakan oleh subsidiari atau syarikat gabungan American International Group, Inc. Produk dan perkhidmatan mungkin tidak ditawarkan di semua negara, dan perlindungan adalah tertakluk kepada polisi bertulis yang sebenar. Produk dan perkhidmatan bukan insurans mungkin ditawarkan oleh pihak ketiga yang bebas.



AIG Malaysia Insurance Berhad (795492-W)
Menara Worldwide,
No. 198 Jalan Bukit Bintang,
55100 Kuala Lumpur,
Malaysia.
www.aig.my

Hak Cipta©2017 AIG Malaysia Insurance Berhad. Hak cipta terpelihara.

*Tarikh cetak: 1 June 2018